

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. LEE BOON CHYE**
KAWASAN : **GOPENG**
TARIKH : **7 MAC 2018**
NO. SOALAN : **22**

SOALAN

Y.B Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* yang merupakan gantian kepada TPPA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah Presiden Donald Trump mengumumkan penarikan Amerika Syarikat daripada TPP pada 23 Januari 2017, beberapa mesyuarat peringkat Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai kanan TPP telah diadakan. Mesyuarat Menteri-menteri TPP pada 6 hingga 8 November 2017 di Da Nang, Viet Nam telah berjaya mencapai persetujuan berkaitan elemen-elemen teras dan kaedah pelaksanaan perjanjian ini. TPP juga telah dinamakan semula sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik, (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership - CPTPP*).

2. Susulan itu, beberapa isu-isu tertunggak juga telah berjaya dimuktamadkan semasa Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan CPTPP di Tokyo, Jepun pada 22 dan 23 Januari 2018.

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Februari 2018 telah bersetuju supaya Malaysia menandatangani Perjanjian CPTPP bersama-sama 10 negara anggota TPP yang lain pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile. Pihak kerajaan berpendapat mandat yang diterima dari Parlimen pada tahun 2016 adalah memadai memandangkan CPTPP bukanlah perjanjian yang baru tetapi perjanjian yang mempunyai pindaan yang minima. Kerajaan akan mengadakan *outreach* program untuk menerangkan dengan lebih lanjut mengenai CPTPP.

4. Ingin saya jelaskan di sini, bahawa sebahagian besar kandungan perjanjian asal TPP termasuk komitmen berkaitan akses pasaran telah dikekalkan dalam CPTPP.

5. Beberapa peruntukan perjanjian asal TPPA akan digantung atau tidak akan dilaksanakan. Peruntukan-peruntukan tersebut telah dibincangkan dan dipersetujui secara konsensus oleh kesemua 11 negara ahli. Teks penuh CPTPP berserta senarai peruntukan yang telah dipersetujui untuk digantung (*List of Suspended Provisions*) telah pun dimuat naik di laman sesawang MITI pada 21 Februari 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Perjanjian CPTPP hanya akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) buah negara atau 50% daripada negara asal yang telah menandatangani, telah berjaya meratifikasi Perjanjian CPTPP.

7. Justeru itu, setiap negara ahli termasuk Malaysia perlu melengkapkan proses domestik masing-masing sebelum mendapat faedah daripada pelaksanaan perjanjian tersebut. Bagi tujuan tersebut, Malaysia perlu meminda 19 undang-undang berkaitan. Setakat ini hanya satu pindaan yang telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia akan terus menumpukan usaha untuk meneroka dan menembusi pasaran baru bagi penggalakan eksport serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan kepada pelabur-pelabur asing. Penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) adalah merupakan salah satu strategi utama untuk mencapai agenda ini.

9. Walaupun pasaran yang ditawarkan dalam CPTPP lebih kecil berbanding TPP12, melalui perjanjian tersebut kelak, Malaysia akan mendapat layanan berkeutamaan di pasaran-pasaran baharu seperti Kanada, Mexico dan Peru. Di samping itu, Malaysia dan negara-negara ahli yang lain sependapat bahawa CPTPP adalah perjanjian komprehensif yang bukan sahaja penting untuk meningkatkan integrasi perdagangan di rantau Asia Pasifik tetapi juga menggalakkan pematuhan standard dan piawaian tinggi yang boleh meningkatkan daya saing negara-negara ahli di pasaran global. CPTPP juga menggalakkan kerjasama sesama ahli dan mempromosikan amalan tabir urus yang baik, terutama dari aspek ketelusan.

43

10. Selain itu, Malaysia perlu mengambil kira faktor masa dan kos yang terlibat sepanjang rundingan TPP selama lebih lima tahun dari 2010 bagi memastikan kepentingan negara terpelihara. Sekiranya tidak menyertai CPTPP, Malaysia akan perlu berunding semula secara dua hala dengan negara-negara ahli TPP termasuk Kanada, Mexico dan Peru untuk mendapat layanan berkeutamaan di pasaran-pasaran tersebut. Malaysia juga akan terlepas peluang dan manfaat sebagai *first mover* sekiranya memilih untuk tidak menyertai CPTPP.

11. Kesimpulannya, penyertaan Malaysia dalam CPTPP adalah salah satu langkah bagi memastikan akses pasaran produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran global kekal terjamin dan Malaysia terus kekal berdaya saing di peringkat global walaupun dalam persekitaran perdagangan yang semakin mencabar.

Sekian, terima kasih .